

BENTUK KERTAS SOALAN

Kertas soalan Prinsip Perakaunan 3756/2 mengandungi 6 soalan dan dibahagikan kepada bahagian A dan bahagian B. Dalam bahagian A mengandungi 4 soalan yang wajib dijawab. Dalam bahagian B, diberikan 2 soalan pilihan dan calon boleh memilih mana-mana soalan yang dikehendaki. Masa yang diperuntukkan kepada calon ialah 2 jam 30 minit.

BAHAGIAN A

Soalan 1 - Dokumen perniagaan

Soalan 2 - Penyata Kewangan (Perkongsi)

Soalan 3 - Pelarasan per. hutang ragu, peruntukan, susut nilai dan pelupusan aset

Soalan 4 - Belanjawan Tunai

BAHAGIAN B

Soalan 5 - Kelab dan Persatuan

Soalan 6 - Rekod Tak Lengkap

PRESTASI KESELURUHAN

Pada keseluruhannya prestasi jawapan calon adalah pada tahap memuaskan dan pencapaian mereka bergantung kepada soalan yang dijawab. Pada tahun ini didapati terdapat peningkatan prestasi pelajar dalam soalan 1. Calon dapat menentukan jenis Buku Catatan Pertama yang terlibat dengan tepat dan kes catatan di Buku Catatan Pertama telah berkurangan. Ketepatan catatan pengeposan dari Buku Catatan Pertama ke lejar menggambarkan penguasaan prinsip catatan bergu dalam kalangan calon semakin meningkat.

Bagi soalan 2, penyediaan penyata pendapatan dan penyata pengasingan untung rugi dapat disediakan oleh calon mengikut format yang dikehendaki. Calon dapat memahami dan menyelesaikan pelarasan-pelarasan dalam maklumat tambahan. Hal ini kerana pelarasan hanya tertumpu kepada pelarasan belanja iaitu gaji terakru pekongsi, pengiraan faedah atas modal serta kongsi untung sahaja.

Walau bagaimanapun bagi soalan 3, banyak calon tidak menjawab. Hal ini berkemungkinan calon-calon tidak menguasai tajuk ini. Calon hanya berjaya menjawab soalan teori sahaja.

Bagi soalan 4 pula, majoriti calon berjaya menjawab dengan cemerlang.

Di bahagian B (soalan pilihan), majoriti calon cenderung memilih soalan 6 berbanding soalan 5. Jawapan yang ditunjukkan oleh calon menepati kehendak soalan. Calon gagal menjawab bahagian teori dengan baik.

Bagi calon yang menjawab soalan 5, jawapan calon adalah memuaskan. Walau bagaimanapun terdapat calon yang keliru untuk mengenal pasti yuran tertunggak dengan yuran terdahulu. Dalam akaun pendapatan dan perbelanjaan, kecuaiannya untuk menentukan sama ada yuran adalah pendapatan modal atau pendapatan hasil. Pada keseluruhannya, calon gagal menguasai bahagian soalan teori. Hal ini menunjukkan calon kurang menitikberatkan teori setiap tajuk.

PRESTASI KESELURUHAN MENGIKUT KUMPULAN

Calon Dalam Kumpulan Tinggi

Prestasi keseluruhan jawapan calon dalam kumpulan ini adalah baik. Susunan jawapan calon teratur, bersistematik dan menepati kehendak soalan. Calon memahami tugas soalan dengan baik dan berjaya menjawab semua soalan. Persembahan jawapan calon juga mengikut format yang tepat. Majoriti calon cemerlang dalam menjawab soalan 1, 2, 4 dan 6. Hanya sebilangan kecil sahaja berjaya menepati kehendak soalan 3 dan 5. Terdapat beberapa kesilapan kecil yang telah dilakukan oleh calon. Antaranya penggunaan istilah kelengkapan, bil elektrik, pembahagian untung sebagai butir dan tajuk akaun, penyata kewangan dan tidak menulis nama perniagaan atau kelab bagi soalan 2, 4, 5 dan 6.

Calon Dalam Kumpulan Sederhana

Keseluruhan jawapan calon memuaskan. Kebanyakan daripada calon dapat menjawab soalan 1 dan 4(a) dengan baik. Hanya terdapat bahagian tertentu sahaja dalam soalan itu tidak dijawab dengan sempurna. Persembahan jawapan calon mengikut format tetapi tidak tepat dan lengkap. Susunan jawapan kurang teratur. Prestasi mereka secara keseluruhannya adalah sederhana bagi soalan 2, 5 dan 6. Bagi soalan 3, secara keseluruhannya prestasi calon adalah kurang memuaskan. Kebanyakan calon kurang memahami proses merekod urus niaga ke dalam Akaun Peruntukan Hutang Ragu, Akaun Peruntukan Susut nilai dan Akaun Pelupusan Aset.

Calon Dalam Kumpulan Rendah

Prestasi jawapan calon kumpulan ini sangat tidak memuaskan. Bilangan soalan yang dijawab hanya satu atau dua sahaja dan kebiasaannya menjawab soalan 1, 2 dan 4. Susunan jawapan calon tidak teratur, tidak bersistematik dan tidak memenuhi keperluan tugas soalan seperti menyediakan Akaun Perdagangan, Untung Rugi dan Pengasingan Untung Rugi untuk soalan 2 yang tidak mengikut format (sepatutnya menyediakan dalam format penyata). Susunan jawapan bercampur aduk, mempunyai unsur teka dan tidak lengkap. Terdapat juga calon yang hanya menyalin soalan dan menyenaraikan akaun sahaja. Bagi calon yang menjawab soalan 3 dan 5, persembahan jawapan amat tidak memuaskan. Calon hanya mencatat sedikit butir sahaja contohnya, membuka akaun dengan hanya menulis tajuk akaun sahaja, ataupun butir-butir yang dicatat bercampur aduk dan mempunyai kesalahan yang ketara. Ini menunjukkan calon tidak menguasai tajuk berkaitan dengan pelarasan kelab dan persatuan. Calon juga tidak mahir dengan prinsip catatan bergu yang sepatutnya dikuasai oleh setiap calon. Bagi perkara yang berkaitan dengan pelarasan, jawapan calon menggambarkan bahawa mereka gagal memahami semua pelarasan yang terdapat dalam semua soalan sebenarnya mempunyai hubung kait antara satu sama lain. Oleh itu, jika calon boleh menyelesaikan masalah pelarasan dalam soalan 2, semestinya perkara yang sama boleh diselesaikan untuk mana-mana soalan yang berkaitan. Dalam kes calon kategori ini, sebahagian besar dapat menyelesaikan masalah pelarasan dalam soalan 2 tetapi gagal untuk menyelesaikan dalam soalan-soalan yang lain.

PRESTASI TERPERINCI

SOALAN 1

Soalan ini memerlukan calon menguasai kemahiran dan kebolehan dalam Ilmu Simpankira (book-keeping). Memahami proses kitaran perakaunan bermula daripada mengenal pasti urus niaga, maklumat dan dokumen perniagaan yang diberikan. Seterusnya daripada urus niaga yang telah dikenal pasti calon perlu membuat catatan penting dalam Buku Catatan Pertama yang berkaitan (termasuk Buku Tunai) dan seterusnya melakukan pengeposan ke lejar. Semua akaun lejar kemudiannya diimbangkan untuk menentukan baki setiap akaun dan mengenal pasti jenis bakinya iaitu baki debit ataupun baki kredit. Daripada baki-baki yang telah dikenal pasti itu, disenaraikan di ruangan debit atau kredit Imbangan Duga. Maka proses perakaunan yang perlu dikuasai oleh calon dalam soalan ini adalah sehingga ke tahap penyediaan Imbangan Duga sahaja.

Calon cemerlang dapat mempersembahkan jawapan yang baik dan lengkap. Calon dalam kategori ini merupakan calon yang berjaya menunjukkan penguasaan kemahiran dalam Ilmu Simpankira. Bermula dengan keupayaan mengenal pasti urus niaga daripada semua maklumat dan dokumen yang diberikan yang kemudiannya menjadi asas untuk calon membuat catatan dalam Buku Catatan Pertama yang berkaitan (termasuk Buku Tunai). Seterusnya pengeposan catatan daripada Buku Catatan Pertama ke lejar dibuat. Akaun-akaun lejar diimbangkan dan baki setiap akaun lejar dikenal pasti yang seterusnya membolehkan Imbangan Duga yang tepat dan sempurna dapat disediakan oleh calon.

Walaupun soalan ini mempunyai tugas secara berasingan iaitu terdapat bahagian (a), (b) dan (c), tetapi kemahiran yang diperlukan sebenarnya saling berkait. Bahagian (a) dan bahagian (b) memerlukan calon menyempurnakannya secara serentak selaras dengan penerapan prinsip catatan bergu ketika melakukan perekodan urus niaga. Setelah (a) dan (b) disempunakan barulah jawapan (c) disediakan. Calon yang cemerlang berjaya memberikan persembahan jawapan yang sangat baik dan tepat. Walau bagaimanapun terdapat jawapan calon dalam kategori ini yang jawapannya tidak begitu tepat dan lengkap sepenuhnya kerana calon tidak membuat catatan/merekod berasaskan prinsip catatan bergu. Ini dapat ditunjukkan daripada contoh jawapan calon berikut:

Contoh 1: Jawapan tepat dan lengkap

(a) Buku Catatan Pertama:

		Detail	Jumlah
	Jurnal Belian		
1 Mei	3 Cergas Sendirian Berhad.		9180
	7 Cergas Sendirian Berhad		180
	14 Rekreasi Enterprise	(101)	5427
	31 Akaun Belian		14787

(b) Lejar

		Cergas	Sendirian Berhad			
Mei 9	Bank	8114	07, Mei 3	Belian	9180	✓
	Akaun dititima	936	7	Belian	180	✓
		9360			9360	

Contoh 2: Jawapan kurang lengkap

		Rekreasi	Enterprise			
			07, Mei 14	Belian	5427	✓

(a) Buku Catatan Pertama:

JURNAL
KHAS

JURNAL BELIAN (PELBAGAI PENIUTANG)						
RIKIH	BUTIR	FOL	INVOIS / ACAL / NOTA DEBIT / ASAL	AMARAN	RM	SEN
3	Cergas Sendirian Berhad	KT	NO. SR 11		9180	✓
7	Cergas Sendirian Berhad	KT	NO. 110		180	✓
14	Rekreasi Enterprise	BT	NO. 7020		5427	✓
31	Akaun Belian	BT			14787	✓

(b) Lejar

		Cergas	Sendirian Berhad			
0076		RM	SEN	BUTIR	RM	SEN
Bank		8424	✓	Belian	9180	✓
Akaun dititima		936	✓	Belian	180	✓
		9360			9360	

		Rekreasi Enterprise					
	BUTIR	RM	SEN	BUTIR	RM	SEN	
	Bagi h/b	5427		Belian	5427	✓	

Lain-lain persembahan jawapan calon dalam kategori ini adalah sangat baik. Jawapan calon sempurna, lengkap dan tepat.

Calon sederhana pula berjaya mempersembahkan jawapan yang agak baik dan memuaskan. Terdapat faktor "kesalahan, kesilapan dan ketinggalan" yang sebenarnya boleh dielakkan jika calon lebih berhati-hati serta benar-benar menerap kefahaman prinsip catatan bergu ketika menjawab soalan ini. Contoh jawapan calon yang berkaitan adalah seperti yang disediakan di bawah ini.

Contoh 3: Ketinggalan/kecuaian

Jurnal Belian			
	Cergas Sendirian Berhad	9180	X
	Cergas Sendirian Berhad	180	X
	Rekreasi Enterprise	5427	X
	AK Belian	(DT) 14787	X

Perhatikan jawapan calon dari segi 'butir' dan 'angka' adalah tepat semuanya tetapi tiada 'tarikh' dicatatkan dan dengan itu calon gagal mempersembahkan jawapan yang tepat. Jika calon mengikuti prinsip catatan bergu ketika merekod maka masalah ini dapat dielakkan.

Jurnal Belian			
307	Mei 3	Cergas Sendirian Berhad	9180 X
	7	Cergas Sendirian Berhad	180 X
	14	Rekreasi Enterprise	5427 X
	31	Akaun Belian	(DT) 14787 X

Perhatikan jawapan calon hampir sempurna: semuanya tepat dari segi 'tarikh, butir dan angka' tetapi 'angka' untuk jumlah 14 787 telah dicatat dalam ruangan yang salah. Dalam kes ini berkemungkinan satu kesilapan tidak disengajakan tetapi boleh juga disebabkan calon tidak dapat membezakan antara Jurnal Am dengan Jurnal Khas.

Contoh 4: Kesalahan butir dalam catatan Jurnal

(a)				
Tarikh	Butir	F	Debit	Kredit
Jurnal Am				
Mei 1	Tunai di tangan		800	
	Tunai di bank		14200	
	Premis		40000	
	Modal			55000
	(Membawa masuk modal pada tarikh ini)		55000	55000

Perhatikan calon menggunakan butir 'tunai di tangan' dan 'tunai di bank' bagi menggantikan butir yang tepat iaitu 'tunai' dan 'bank'. Untuk kedua-duanya, calon gagal mempersembahkan jawapan yang betul walaupun angka yang ditulis dalam ruangan debit adalah tepat. Peraturan catatan di Jurnal memerlukan calon menggunakan butir yang akan menjadi rujukan tempat yang akan diposkan. Dalam kes ini butir 'tunai' akan membolehkan catatan itu diposkan ke Akaun Tunai (Buku Tunai) dan begitu juga bagi butir 'bank'.

JURNAL

AM

TARIKH	BUTIR	DT RM	SEN	KT RM	SEN
07 Mei 1	Tunai	800	1/2		
	Bank	14200	1/2		
	Premis	40000	1/2		
	Modal			55000	1/2
	(Memulakan perniagaan)	55000		55000	
4	Perabot	4900	1/2		
	Modal			4900	1/2
	(Membekut duit perabot)	4900		4900	

Urus niaga yang terlibat untuk catatan ini ialah 'pembelian perabot secara kredit maka butir siapa pembekal perabot itu adalah butir yang penting untuk dicatatkan bukan butir 'modal'. Dalam kes ini calon tidak seharusnya keliru dengan urus niaga 'membawa masuk perabot sebagai modal tambahan'.

Contoh 5: Kesalahan butir dalam lejar

Akaun Modal			
07, Mei 1	Tunai di Tangan	800	l
1	Tunai di Bank	14200	l
1	Premis	40000	h
		55000	

Tarikh	Butir	Diklaim F	Tunai	Bank	Tarikh	Butir	Diklaim F	Tunai	Bank
07, Mei 1	Modal		800	14200	07, Mei 9	Cergas Sendirian Berhad	936		8424
5	Jualan			564	20	Ambilan		300	
					29	Kadar bayaran		136	
			800	14764	31	Baki w/b		364	6340
			800	14764			936	800	14764
	Baki w/b		364	6340					

Calon tidak menggunakan butir yang tepat dalam Akaun Modal. Butir dalam akaun tersebut sepatutnya menggunakan butir tajuk akaun regunya dalam kes ini 'tunai' dan 'bank' (rujuk Buku Tunai) dan oleh yang demikian butir yang tepat ialah: 'tunai' dan 'bank'

Akaun Cergas Sendirian Berhad			
7, Mei 9	Bank	8424	1/2
9.	Diklaim diberi	936	1/2
		9360	
07, Mei 3	Belian	9180	h
7	Belian	180	h
		9360	

Perhatikan butir yang digunakan ialah 'diskaun diberi' sedangkan item tersebut adalah catatan bergu dengan item diskaun di Buku Tunai pada 9 Mei. Diskaun itu sebenarnya adalah hasil kerana diterima daripada pemiutang Cergas Sendirian Berhad dan dengan itu butir yang betul ialah 'diskaun diterima'. Item 'diskaun' telah didebitkan dengan jumlah yang betul oleh calon dalam Akaun Cergas Sendirian Berhad tetapi menggunakan butir yang salah menyebabkan jawapan untuk item tersebut tidak betul.

			Akaun Premis				
51	Baki b/b	40000					

Akaun premis adalah item dari pembukuan awal 'memulakan perniagaan' dan oleh itu butir yang betul ialah 'akaun modal'. Butir 'baki b/b' adalah betul jika maklumat yang diberi ialah 'baki-baki' bukan 'memulakan perniagaan'

Contoh 6: Kesalahan tajuk akaun lejar

			Akaun Diskaun diberi				
			07, Mei a Pelbagai pemiutang			936	

Calon dengan betul mengkreditkan akaun diskaun, menggunakan butir dan angka yang tepat tetapi tajuk akaunnya salah menyebabkan jawapan tidak betul. Kesalahan ini tidak sepatutnya berlaku kerana catatan kredit akaun itu sudah memberi panduan bahawa itu adalah diskaun hasil yang mesti menggunakan tajuk 'Diskaun Diterima'

		AK	Balran				
51	Pel. Pemiutang	14787					
		AK	Bil Elektrik				
529	Tunai	136					

Tajuk yang sepatutnya digunakan oleh calon ialah 'Ak. Elektrik'. Tajuk akaun yang tidak tepat menyebabkan jawapan dianggap salah walaupun butir dan angka adalah betul.

Contoh 7: Kesalahan dalam Imbangan Duga

Imbangan Duga pada 31 Mei 2007		Debit	Kredit
Tunai		364	
Bank		6340	
Premis		40000	
Modal			55000
Perabot		4900	
Syarikat Perabot Sarah			4900
Belian		14787	
Rekreasi Enterprise			5427
Jualan			4117
Kelab Jaguh		3496	
Pulangan Jualan		57	
Ambilan		300	
Kadar bayaran		136	
Diskoun diberi			936
		70380	70380

Imbangan Duga pada 31 Mei 07		DT	KT
Tunai		364	
Bank		6340	
Modal			55000
Perabot		4900	
Premis		40000	
Syarikat Perabot Sarah			4900
Belian		14787	
Bil. Elektrik		136	
Ambilan		300	
Rekreasi Enterprise			5427
Jualan			4117
Disk. diterima			936
Kelab Jaguh		3496	
Pulangan Jualan		57	
		70380	70380

Perhatikan calon telah mencatat baki diskaun dengan angka yang tepat dan di ruangan yang betul dalam Imbangan Duga. Kesalahan menulis butir menyebabkan jawapan bagi item yang berkaitan menjadi salah.

Contoh 8: Kesalahan menggunakan singkatan butir

4	Perabot	4900	
	Perabot Sarah		4900
	(Membeli almari pameran daripada Syarikat Perabot Sarah)		

Singkatan butir boleh memberikan maksud atau perkara yang salah. 'Perabot Sarah' dan 'Syarikat Perabot Sarah' tidak merujuk kepada perkara yang sama.

Prestasi pencapaian bagi calon kategori sederhana dapat ditingkatkan jika unsur 'kesalahan, kesilapan atau ketinggalan' (seperti dalam contoh 1 hingga contoh 8) dapat dielakkan. Perkara ini dapat dielakkan jika calon benar-benar telah menguasai dan mengamalkan catatan mengikut prinsip catatan bergu yang sebenar. Calon juga mestilah mengelakkan daripada menggunakan singkatan kepada sebarang perkataan/ butir. Di samping itu, calon juga ada pengetahuan tentang semua baki akaun lejar akan disenaraikan dalam Imbangan Duga, calon juga mesti tahu tentang jenis/ kategori item yang boleh disenaraikan di sebelah debit atau di sebelah kredit Imbangan Duga.

Bagi calon pencapaian rendah pula, didapati gagal memahami proses kitaran perakaunan bermula dengan mengenal pasti urus niaga daripada dokumen sumber hinggalah ke penyediaan Imbangan Duga. Kebolehan merekod menggunakan prinsip catatan bergu juga lemah. Oleh sebab kelemahan tersebut, maka pelbagai kesalahan dapat dilihat daripada persembahan jawapan calon menyebabkan jawapan calon tidak tepat dan menjadi salah. Contoh jawapan calon dalam kategori ini dapat dilihat seperti berikut:

Contoh 1: Kegagalan mengenal pasti urus niaga

Jurnal Belian			
2007	Butiran	No.	R/M
3	Cergas Sendirian Berhad	5811	9180
4	Syarikat Perabot Sarah ?	6111	4900
7	Cergas Sendirian Berhad	1910	180
14	Retreasi Enterprise	7020	5427
31	Akaun Belian (Dt)		19687

Perhatikan contoh di atas, calon berkemungkinan menganggap belian perabot secara kredit itu adalah bersamaan dengan belian barang secara kredit dan dengan itu telah mencatat 'Syarikat Perabot Sarah' dalam Jurnal Belian. Catatan tersebut sepatutnya tidak berada dalam jurnal berkenaan tetapi mestilah di Jurnal Am. Kesalahan catatan itu menyebabkan jumlah di Jurnal Belian menjadi salah dan jawapan calon juga salah pada item jumlah walaupun 'tarikh' dan 'butir' adalah betul.

JURNAL PULANGAN JUALAN				
RIKIH	BUTIRAN	F	NO INVOIS	Jumlah
i 23	Kelab JAGUH		0001	57
i 21	Akaun Pulangan Tuanan //	(dt)		57
JURNAL PULANGAN BELIAN				
RIKIH	BUTIRAN	F	NO INVOIS	Jumlah
i 7	CERGAS SENDIRIAN BERHAD		1910	180
31	Akaun Pulangan Belian //	(kt)		180

Catatan urus niaga tersebut tidak sepatutnya berada dalam Jurnal Pulangan Belian kerana urus niaga sebenar daripada rujukan dokumen (Nota Debit) merupakan urus niaga tambahan kepada 'belian kredit' maka mestilah dicatat dalam Jurnal Belian. Jawapan calon untuk urus niaga ini menjadi tidak tepat.

Contoh 2: Membuka akaun yang salah/tidak berkaitan

Akaun Penghutang									
Bank	Butir	Ref.	Rm	Sen	Totalk	Butir	Ref.	Rm	Sen.
	Pembayaran		822	00		Ditaka diben		936	00

Akaun yang dibuka oleh calon langsung tidak berkaitan dan tidak seharusnya ada dalam jawapan calon. Dalam proses merekod secara catatan bergu, bagi penghutang, 'nama penghutang' mestilah menjadi tajuk akaun yang dibuka.

Akaun Baucer Pembayaran									
Bank	Butir	Ref.	Rm	Sen	Totalk	Butir	Ref.	Rm	Sen
	Pada		136	00					

Jawapan yang diberikan oleh calon ini langsung tidak relevan. Tidak ada akaun 'Akaun Baucer Pembayaran'. Jelas calon ini penguasaannya dalam Ilmu Simpankira amat lemah.

LEJAR									
Bank	Butir	Ref.	Rm	Sen	Totalk	Butir	Ref.	Rm	Sen
						Tunai		3553	00

Jawapan yang diberikan oleh calon ini langsung tidak relevan. Tidak ada akaun 'Akaun Barang niaga'. Penguasaannya dalam Ilmu Simpankira amat lemah.

Akaun Bank									
Bank	Butir	Ref.	Rm	Sen	Totalk	Butir	Ref.	Rm	Sen
						modal		14200	00

Buku Tunai telah dibuka oleh calon maka Akaun Bank di lejar tidak diperlukan.

Contoh 3: Pelbagai kesalahan jawapan calon

(i) Kesalahan Buku Catatan Pertama

JURNAL AM				
TIKH	BUTIRAN	F	DEBIT	KREDIT
11	Tunai di tangan		800	
	Tunai di bank		14200	
	Premis (1)		40000	
	Modal (2)			55000
	(Aset dan Liabiliti pada tarikh ini)			
14	Kelengkapan (3)		4900	
	Belanja (4)			4900
120	Ambilan (5)		300	
	Modal (2)			300
	(Menggambil wang tunai perniagaan untuk kegunaan peribadi)			

Perhatikan jawapan calon di atas, butir 'tunai di tangan' dan 'tunai di bank' tidak seharusnya digunakan (butir tepat: 'Tunai' dan 'bank') menyebabkan jawapan salah untuk dua item ini. Terdapat catatan 'belian kelengkapan' sedangkan dalam soalan tiada urus niaga seumpama itu. Bagi urus niaga ambilan tunai, jelas melibatkan wang tunai maka catatan mestilah bukan di Jurnal Am tetapi boleh terus dicatat dalam Buku Tunai.

JURNAL Am					
TIKH	BUTIRAN	ROL	Debit RM	Sen	Kredit RM Sen
07	Tunai		800	00	
	Bank		14200	00	
	Premis		40000	00	
	Modal				55000 00
	Jualan		569	00	
	(Menjual barang)				
	Ambilan		300	00	
	(Menggambil wang tunai perniagaan untuk kegunaan sendiri)				
	Baki b/b		5436	00	
			55000	00	55000 00

Perhatikan calon telah menjumlahkan bahagian debit dan kredit untuk beberapa urus niaga yang telah dicatatkan oleh calon dalam Jurnal Am tersebut. Ini bukan tindakan yang betul untuk catatan bagi Jurnal Am.

(ii) Kesalahan di Buku Tunai.

Tarikh	Butir	Pel.	Dibayar diberi	Tunai RM	Bank RM	Tarikh	Butir	Pel.	Dibayar dijana	Tunai RM	Bank RM
2007 1 Mei	modal			55 000 00		2007 1 Mei	Premis			40 000 00	
1 Mei	Bank	✓			14 200 00	1 Mei	Tunai	✓		800 00	
5 Mei	Jualan				564 00	9 Mei	Pemutang Penghutang		936		8 427 00
20 Mei	Ambilan			800 00		29 Mei	Baucer Pembayaran			1 300 00	
9 Mei	Penghutang		936		8 427 00		Bank b/b			14 364 00	23 122 00
				55 300 00	23 122 00					55 300 00	23 122 00
	Bank b/b			14 364 00	23 122 00						

Calon ini hanya memperoleh satu butir item yang betul iaitu 'jualan'. Perhatikan butir di bahagian debit Buku Tunai:

- angka untuk 'modal' sepatutnya memasukkan 800 di ruangan tunai dan 14 200 di ruangan bank bukannya 55 000 (jumlah 'lump-sum' bagi modal)
- item ambilan sepatutnya dicatat di sebelah kredit buku tunai. Ini jelas kerana apabila wang diambil/ dikeluarkan (ambilan) mestilah Buku Tunai dikreditkan.
- Bagi item 'penghutang' jawapan calon (angka 936 dan 8 427) sebenarnya merujuk kepada urus niaga bayaran kepada pemiutang iaitu Cergas Sendirian Berhad dan dengan itu catatan mestilah di sebelah kredit Buku Tunai dengan angka yang sama tetapi menggunakan butir siapa pemiutang itu.

Jawapan calon semuanya salah dan tidak tepat di bahagian kredit Buku Tunai. Perhatikan kesilapan dan kesalahan calon di bahagian ini:

- butir premis adalah berkaitan premis yang dibawa untuk memulakan perniagaan oleh itu tiada kaitan dengan pergerakan wang tunai yang demikian tidak seharusnya terdapat di Buku Tunai.
- Tiada maklumat tentang catatan kontra 'tunai 800' dan ini sebenarnya merupakan tunai sebagai modal awal yang seharusnya didebitkan dalam Buku Tunai di ruangan 'Tunai'.
- Butir 'baucer pembayaran' sepatutnya digantikan dengan butir 'elektrik' kerana baucer hanya sebagai dokumen perniagaan tetapi urus niaganya adalah 'membayar elektrik'. Jika butir ini betul jawapan calon juga akan betul untuk item ini.

(iii) Kesalahan merekod di lejar

Akaun Jualan									
tarikh	Butir	Ref.	Rm	Sen	Tanpa	Butir	Ref.	Rm	Sen
007 mei	Borang Naga		564	00					
Akaun Ambilan									
tarikh	Butir	Ref.	Rm	Sen	Tanpa	Butir	Ref.	Rm	Sen
								300	00

Perhatikan nama akaun yang dibuka adalah betul iaitu Ak. Jualan dan Ak. Ambilan tetapi catatan dalam akaun berkaitan adalah salah. Catatan di Ak. Jualan mestilah di sebelah kredit akaun itu dan catatan di Ak. Ambilan mesti didebitkan. Di samping itu, cara menulis tajuk akaun juga tidak sempurna. Tajuk akaun mestilah ditulis di bahagian tengah bukannya di margin tepi. Butir yang digunakan di Ak. Jualan adalah salah yang sepatutnya menggunakan butir 'tunai' kerana '564' itu adalah jualan secara tunai. Bagi Ak. Ambilan, butir dan angka yang dicatat adalah betul tetapi catatan itu di sebelah kredit (sepertunya debit) maka jawapan adalah salah bagi akaun itu.

Akaun Premis									
tarikh	Butir	Ref.	Rm	Sen	Tanpa	Butir	Ref.	Rm	Sen
						modal		4000	00

Syarikat Perabot Sarah									
tarikh	Butir	Ref.	Rm	Sen	Tanpa	Butir	Ref.	Rm	Sen
						Belian		4900	00

Perhatikan contoh di atas: tajuk akaun iaitu Ak. Premis dan Ak. Syarikat Perabot Sarah adalah betul. Bagi Ak. Premis, butir dan angka adalah betul tetapi kesalahan calon, membuat catatan di sebelah kredit (sepertunya di sebelah debit). Jika catatan itu didebitkan, jawapan calon adalah betul. Bagi Ak. Syarikat Sarah pula, urus niaga yang sepatut dicatatkan adalah 'belian perabot secara kredit'. Catatan di sebelah kredit akaun itu adalah betul tetapi butir salah kerana menggunakan butir 'belian' yang sepatutnya menggunakan 'perabot'. Jika butir ini betul maka jawapan calon adalah tepat. Kesalahan sedemikian dan seumpamanya banyak terdapat dalam jawapan calon dalam kategori lemah.

Contoh 4: Kesalahan dalam Imbangan Duga

keleengkapan	4900		
Belian	4787		
Ambilan	300		
Kelab Jaguh	3496		
Jualan		4117	
Cergas Sendirian Berhad		1512	
Rekreasi Enterprise		5427	
Pulangan Jualan	57		
Pulangan Belian		180	
Belanja	136		
Diskaun Diberi	936		

Perhatikan kesalahan yang telah dilakukan oleh calon. Butir 'keleengkapan' sepatutnya adalah 'perabot', 'Diskaun diberi' sepatutnya 'Diskaun Diterima' dan dicatat di sebelah kredit (kerana merupakan hasil) dan butir 'belanja' adalah tidak lengkap yang sepatutnya ditulis sebagai 'elektrik' atau 'kadar bayaran'.

Bagi calon yang lemah, sebilangan besar calon tidak memberi jawapan Imbangan Duga dan bagi yang menjawab item-item atau angka yang terkandung adalah tidak tepat dan ada sebahagiannya tidak relevan langsung dengan jawapan yang sepatutnya. Imbangan Duga bergantung kepada jawapan calon di lejar. Apabila banyak akaun lejar salah maka jawapan di Imbangan Duga juga tidak tepat dan tidak lengkap. Jika akaun lejar tidak diimbangkan dengan cara yang betul atau tidak dituliskan angka baki bagi setiap akaun, ini juga akan membataskan persembahan jawapan yang sempurna, lengkap dan tepat.

SOALAN 2: (masa yang disarankan ialah 35 minit)

Soalan nombor 2 menguji calon dalam tajuk Perkongsian, mengandungi 4 bahagian iaitu:

- penyediaan Penyata Pendapatan.
- penyediaan Penyata Pengasingan Untung Rugi.
- penyediaan Akaun Semasa Pekongsi.
- teori berkaitan tindakan yang perlu diambil untuk membubarkan perkongsian berkenaan.

Soalan 2(a)

Soalan ini berkehendakkan calon menyediakan Penyata Pendapatan bermula dengan item jualan dan dapat mengira kos jualan, untung kasar dan juga untung bersih

Calon kumpulan cemerlang, dapat menguasai sepenuhnya kemahiran dalam penyediaan penyata pendapatan dengan lengkap. Mereka juga dapat menunjukkan pengiraan kos penyata pendapatan dengan lengkap dan dapat menunjukkan pengiraan kos jualan, untung kasar dan untung bersih dengan tepat. Walau bagaimanapun terdapat segelintir calon cemerlang yang cuai semasa menjawab. Antara kecuai calon adalah seperti berikut:

Contoh 1:

Pertongsian Purnama		
Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 30 Jun 2007		
	RM	RM
Jualan		33870
<u>(-) Kos Jualan</u>		
Stok awal	14240	
(+) Belian	13816	
Kos barang untuk dijual	28056	
(-) Stok akhir	9580	18476
		15394
<u>(-) Belanja</u>		
Insurans		2764
Untung bersih		12630

Jawapan calon adalah tepat kecuali tidak menulis butiran untung kasar.

Contoh 2:

Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 30 Jun 2007			
	RM	RM	RM
Jualan			33870
<u>Totale Kos Jualan</u>			
Stok awal	14240		
(+) Belian	13816		
	28056		
(-) Stok akhir	9580		
Kos Jualan			18746
Untung kasar			15394
<u>Totale Belanja</u>			
Insurans			2764
Untung bersih			12630

Jawapan calon adalah lengkap kecuali tiada nama perniagaan pada tajuk penyata pendapatan.

Terdapat juga calon yang menjawab bahagian ini dengan baik tetapi hanya berpandukan format / bentuk yang telah dihafal seperti di bawah:

Contoh 3:

Rายاسة Pendapatan bagi tahun berakhir 30 Jun 2007			
BUTIR	RM	RM	RM
Jualan		33870 ^{1/2}	
(-) Pulangan Jualan		-	
Jualan bersih			33870
(-) KOS JUALAN			
Stok awal		1424 ^{1/2}	
Belian	13816 ²		
(-) Pulangan belian	-		
Belian bersih	13816		
(+) Kuntungan masuk	-		
bun' atas belian	-		
Upah atas belian	-		
Insurans atas belian	-		
Kos belian		13816	
Kos barang untuk dijual		28056	
(-) Stok akhir		9550 ^{1/2}	18476
UNTUNG KASAR		14476	15394 ^{1/2}
(-) BELANJA			
Insurans			2764 ^{1/2}
UNTUNG BERSIH			12630

Calon ini memasukkan semua item yang sepatutnya ada dalam penyata pendapatan walaupun tidak diperlukan dalam soalan. Ini menunjukkan terdapat unsur penghafalan format oleh calon. Hal ini tidak sepatutnya dilakukan oleh calon.

Calon kumpulan sederhana pula, dapat menjawab dengan format yang betul tetapi keliru dari segi pelarasan yang terdapat dalam maklumat tambahan.

Contoh 4:

Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir			
30 Jun 2007		RM	RM
Jualan			33870
Stok 1 Julai 2006		14240	
+ Belian		13816	
		28056	
- Stok 30 Jun 2007		9580	
			18476
Untung Kasar			15394
- Belanja			
Insurans			2764
Gaji			5400
			1532
Untung Bersih			7230

Calon menganggap gaji pekongsi Chee Min sebagai belanja kendalian dalam perniagaan dan dimasukkan dalam penyata pendapatan. Kesannya, jawapan bagi untung bersih adalah salah. Gaji tersebut sepatutnya dicatat di dalam penyata pengasingan untung rugi (bahagian b)

Manakala calon kumpulan lemah pula, mereka menjawab tidak mengikut format yang betul dan suka mencuba nasib dengan memasukkan sebarang butiran termasuk butiran modal dalam penyata pendapatan.

Contoh 5:

No. soalan: Perkongsian Purnama			
Penyata Pendapatan			
Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 30 Jun 2007			
	RM	RM	RM
Jualan			33870
(-) stok awal	14040		
(*) Belian	13816		
			5814
(+) Aset			
Bank	9410	-	
kenderaan	47450	-	
Insurans	164		
			59624
kos jualan			65438
(-) Liabiliti			
Gaji terakr4	600	-	
Pemiyutang	360	-	
modal			960
			64478
(-) stok akhir			9580
			54898

Calon memasukkan butiran modal dalam komponen kos jualan dan format penyata pendapatan yang disediakan adalah salah dan tidak menunjukkan komponen kos jualan, belanja kendalian serta tidak menunjukkan untung kasar dan untung bersih.

Soalan 2(b)

Soalan ini berkehendakkan calon menyediakan Penyata Pengasingan Untung rugi. Di samping itu, soalan ini juga menguji kebolehan calon membuat pelarasan faedah atas modal, gaji rakan kongsi yang belum dibayar dan pembahagian untung atau rugi antara pekongsi.

Calon kumpulan cemerlang dapat menjawab dengan tepat dan dapat membawa angka untung bersih dari bahagian (a) ke bahagian (b), seterusnya mengira faedah atas modal dan gaji pekongsi serta boleh mengagihkan kongsi untung mengikut nisbah yang telah ditetapkan. Namun begitu terdapat juga kesilapan dan kecuiaan yang dilakukan oleh calon. Antaranya ialah: